

Mahaputra Adipurna untuk Dr Mahathir

Oleh JOHARI MOHD dan M. NOOR HASHIM

JOHOR BAHRU, Jumaat — Presiden Suharto hari ini menganugerahkan bintang Mahaputra Adipurna kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu upacara ringkas di Istana Pelangi di sini.

Pemimpin Indonesia itu juga menyampaikan cenderamata kepada Perdana Menteri di tempat yang sama kira-kira jam 8.30 pagi.

Turut hadir di upacara itu ialah Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Luar Datuk Rais Yatim dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Najib Tun Razak.

Isteri Presiden Suharto Ibu Tien, Menteri Luar Prof Mokhtar Kusumaatmadja dan beberapa pemimpin lain turut sama.

Presiden Suharto dan Datuk Seri Dr Mahathir kemudian berangkat ke Istana Bukit Serene untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Selepas menghadap, Presiden Suharto berlepas ke Singapura menaiki kenderaan khas melalui Tambak Johor kira-kira jam 9.45 pagi.

Rombongan Indonesia itu ke Singapura melalui Tambak Johor dengan didahului Kumpulan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menunggang motosikal hingga ke sempadan Malaysia/Singapura.

Di sempadan itu, sekumpulan 10 penunggang motosikal Pasukan Polis Singapura mengambil alih tugas untuk perjalanan seterusnya.

Tambak Johor ditutup kepada semua kenderaan menghala ke Singapura dari Pusat Pemeriksaan Kastam di sini selama setengah jam mulai jam 10 pagi hingga ke pusat pemeriksaan di seberang Singapura.

Presiden Suharto bersama Ibu Tien menaiki sebuah kereta khas Kerajaan Malaysia hingga ke Woodlands, Singapura sebelum meneruskan perjalanan menaiki kereta khas Kerajaan Singapura.